



Edisi 1 | Isu 1
Volume 1 | Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SEMBILAN
ROSNANI BINTI MOHD ROSDI /wn JAZLAN ANNUAR BIN ABDUL JABBAR
(NO. KES: 05100-017-0410-2017)

YA Tuan Zulfikri Yasoa'
Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Rosnani binti Mohd Rosdi /wn Jazlan Annuar bin Abdul Jabbar (No. Kes: 05100-017-0410-2017) (2025) MTS 7 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/10>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SEMBILAN

ROSNANI BINTI MOHD ROSDI

lwn

JAZLAN ANNUAR BIN ABDUL JABBAR

NO. KES: 05100-017-0410-2017

¹YA Tuan Zulfikri Yasoa'

¹Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan

Sinopsis

Harta sepencarian dalam kes ini adalah sebuah rumah yang merupakan harta tak alih. Dalam menentukan berapakah bahagian yang layak diperolehi oleh pihak-pihak dalam kes ini, sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 122 Enakmen Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, takat sumbangan pihak-pihak dalam proses pemilikan harta tersebut atau kemajuan harta tersebut menjadi perkara asas yang dipertimbangkan dalam pengiraan bahagian yang wajar. Terdapat dua bentuk sumbangan iaitu sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung. Mahkamah mengambil pendekatan yang agak teliti dalam melihat takat sumbangan pihak-pihak. Pendekatan yang diambil bagi pengiraan sumbangan langsung dibuat dengan mengambil kira perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak. Dalam pengiraan takat sumbangan tidak langsung pula, keadaan isteri yang bekerja atau tidak bekerja turut menjadi pertimbangan. Selain itu, Mahkamah meneliti bagaimana tempoh perkahwinan turut mempengaruhi kaedah pengiraan dalam menentukan kadar sumbangan tidak langsung yang sesuai dan wajar kepada isteri.

Pengenalan

[1] Kes ini melibatkan Tuntutan Harta Sepencarian yang difailkan oleh Plaintiff terhadap Defendan untuk menentukan kadar pembahagian mengikut takat sumbangan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 122, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Latar Belakang Fakta

[2] Plaintiff dan Defendan telah bernikah pada 24.5.2002 dan bercerai pada 28.12.2014. Mereka dikurniakan dengan dua orang anak. Semasa pengesahan perceraian dibuat, tiada perintah berkaitan dengan harta sepencarian dikeluarkan. Semasa perkahwinan, mereka telah membeli sebuah rumah beralamat di No. XXX Nilai Impian 71800 Nilai Negeri Sembilan.

[3] Fakta yang tidak dipertikaikan ialah rumah ini dibeli pada 27.4.2002 dan didaftarkan atas nama bersama. Rumah dibeli daripada pemaju Negara Properties Realty Sdn. Bhd. Pihak-pihak telah berkahwin pada 24.5.2002 iaitu 27 hari selepas Perjanjian Jual Beli (*Sale and Purchase Agreement*) rumah tersebut ditandatangani.

[4] Berdasarkan salinan *Sale and Purchase Agreement* rumah berkenaan bertarikh 27.4.2002, harga belian (*purchase price*) ialah sebanyak RM214,888.00. Selepas perjanjian tersebut ditandatangani, Plaintiff dan Defendan telah membuat pinjaman perumahan dengan Public Bank Berhad (PBB). PBB telah meluluskan pinjaman sebanyak RM204,000.00. Bersama pinjaman tersebut juga, pihak PBB meluluskan pinjaman untuk bayaran *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) sebanyak

RM4,999.00. Oleh itu, keseluruhan pinjaman daripada PBB adalah sebanyak RM208,997.00.

- [5] Plaintiff (Rosnani) telah memfailkan tuntutan ini terhadap Defendan (Jazlan) pada 30.8.2017. Penyampaian ke diri Defendan telah disempurnakan pada 14.11.2017. Pada masa tersebut, Plaintiff diwakili oleh Peguam Fakhrurrazi & Associates manakala Defendan tidak diwakili peguam.
- [6] Pada 9.3.2020, peguam bagi Plaintiff menarik diri. Plaintiff kemudiannya melantik peguam daripada Hanif Hassan & Co. sebagai Peguam Syariyenya, manakala Mohd Nazrin bin Ibrahim daripada I. Asmawi & Co. mewakili Defendan. Pada 10.8.2020, pihak-pihak hadir dan menetapkan tarikh perbicaraan pada 23.9.2020. Pada 23.9.2020 barulah Defendan memfailkan pembelaan dan kes diteruskan dengan keterangan Plaintiff secara lisan. Setelah beberapa kali tangguhan, keterangan Plaintiff bersambung pada tarikh 25.5.2021. Kemudiannya, setelah beberapa kali tangguhan pula, soal balas Plaintiff hanya dibuat pada tarikh 27.4.2022 dan pada tarikh yang sama juga soal semula dijalankan.
- [7] Setelah beberapa kali tangguhan, pada 25.10.2022, keterangan saksi plaintiff 1 (SP1) bernama Madihah binti Kassim telah diambil. Pemeriksaan terhadap SP1 selesai pada hari yang sama. Plaintiff menutup kes pada hari berkenaan.
- [8] Keterangan Defendan diambil bermula pada 10.4.2023. Kes ditangguh untuk sambungan bicara pada 19.5.2023. Namun setelah beberapa kali tangguhan, soal balas Defendan hanya bermula pada 23.12.24. Kes ditangguhkan untuk soal semula Defendan pada 7.1.2025. Pada 7.1.2025 soal semula Defendan telah selesai dan kes ditangguhkan untuk hujahan pada 14.4.2025 dan keputusan pada 14.5.2025.

Diputuskan

- [9] Sebuah rumah No. XXX, Nilai Impian 71800 Nilai Negeri Sembilan ialah harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan.
- [10] Mahkamah memerintahkan bahawa 77.485% daripada milikan rumah tersebut adalah hak pihak Plaintiff, manakala 22.515 % adalah milikan Defendan.
- [11] Rumah diberikan kepada Plaintiff.
- [12] Rumah itu hendaklah dinilai dengan nilai semasa dan Plaintiff hendaklah membayar kepada Defendan nilai 22.515% di atas.
- [13] Kos penilaian hendaklah ditanggung bersama berdasarkan kadar di atas.
- [14] Secara alternatif, jika Plaintiff tidak berhasrat memiliki rumah berkenaan, rumah tersebut hendaklah dijual. Setelah ditolak kos-kos jualan, 22.515% hendaklah dibayar kepada Defendan. Hutang bank hendaklah ditolak daripada bahagian Plaintiff.
- [15] Kos ditanggung masing-masing.

Senarai Rujukan

Undang-Undang

Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Artikel

Duvall, E. M. (1985). *Marriage and Family Development* (6th ed.). Harper & Row.

Gottman, J. (2014). *Principia Amoris: The New Science of Love*. Routledge.

Wallerstein, J. (1995). *The Good Marriage: How and Why Love Lasts*. Houghton Mifflin Harcourt.

Penghakiman YA Tuan Zulfikri Bin Yasoa', HUMTS

Isu-Isu yang Perlu Diputuskan

[16] Setelah meneliti keseluruhan dokumen, keterangan dan hujahan yang dikemukakan, Mahkamah mendapati bahawa terdapat satu isu utama yang perlu diputuskan dalam kes ini, iaitu:

Isu: Sama ada pihak-pihak berhak diberikan pembahagian seperti yang dipohon.

Analisis dan Dapatan

[17] Merujuk kepada Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, "harta sepencarian" ditafsirkan sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.

[18] Manakala cara pembahagiannya pula diperuntukkan di bawah Seksyen 122 Enakmen Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, iaitu seperti berikut:

122. (1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

(c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

(3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

(b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

(5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

[19] Sumbangan pihak-pihak dalam kes ini boleh dibahagi kepada sumbangan langsung dan sumbangan tidak langsung. Sumbangan langsung bermaksud sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu, manakala sumbangan tidak langsung pula adalah sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga.

Sumbangan Langsung

[20] Persoalannya, apakah sumbangan langsung Plaintiff dan Defendan? Plaintiff mendakwa di dalam Penyata Tuntutannya (para 9) bahawa Plaintiff yang telah menjelaskan bayaran ansuran rumah tersebut sepanjang tempoh perkahwinan melalui potongan gaji Plaintiff. Oleh itu, Plaintiff menuntut 100% bahagian daripada rumah berkenaan.

[21] Tiada pembelaan dimasukkan oleh Defendan bagi menjawab isu berkaitan dengan potongan gaji Plaintiff. Namun, Defendan menyatakan bahawa Defendan masih lagi menanggung pembayaran kerja-kerja ubah suai rumah tersebut yang dibiayai melalui pinjaman Bank Rakyat.

[22] Analisis isu ini adalah seperti berikut: Harga rumah tersebut ialah RM214,888.00. Manakala pinjaman pula sebanyak RM204,000.00. Oleh itu, terdapat wang beza sebanyak RM10,888.00 di situ. Soalannya, siapakah yang membayar wang beza ini?

[23] Dalam keterangan lisan Plaintiff, Plaintiff tidak membuat bayaran pendahuluan dan ianya dibayar melalui akaun simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Defendan. Hal yang sama juga dinyatakan dalam keterangan Defendan. Ini bermaksud Defendan telah membayar kesemua wang beza tersebut. Jumlah wang beza adalah sebanyak $RM214,888.00 - RM204,000.00 = RM10,888.00$.

[24] Menurut Plaintiff bayaran balik pinjaman dengan Public Bank (PBB) dibayar secara bersama antara RM1,400.00 sehingga RM1,500.00 sebulan. Defendan mendakwa bahawa hanya Defendan yang membuat bayaran bulanan sebanyak RM1,391.00. Terdapat percanggahan keterangan di sini, Plaintiff menyatakan bahawa bayaran dibayar bersama, manakala Defendan pula mengatakan bahawa Defendan seorang sahaja yang membuat bayaran.

[25] Dalam keterangannya, Plaintiff menyatakan bahawa setelah rumah siap, bayaran penuh berjumlah RM1,300.00 telah dijelaskan oleh Defendan. Keterangan Plaintiff ini konsisten dengan keterangan Defendan. Pada tahun 2009, Plaintiff telah memohon pinjaman daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk membayar keseluruhan hutang PBB dan selepas itu bayaran dibuat melalui potongan gaji Plaintiff. Kesimpulannya, semasa rumah dalam pinjaman dengan PBB, bayaran bulanan dibuat oleh Defendan, manakala bayaran selepas pinjaman MARA dibuat oleh Plaintiff.

[26] Mengikut keterangan Plaintiff dalam Penyata Tuntutan tentang ubah suai, dan juga sebagaimana dinyatakan oleh Defendan dalam Tuntutan Balas, pihak-pihak bersetuju bahawa adanya pengubahsuaian terhadap rumah tersebut. Isu yang timbul ialah berapakah jumlah sebenar kos bagi pengubahsuaian itu dan siapakah yang menanggung kosnya.

- [27] Plaintiff mendakwa bahawa Plaintiff telah membuat pengubahsuaian pada tahun 2012 yang menelan kos sebanyak RM200,000.00. Sebanyak RM150,000.00 dipinjam daripada Bank Rakyat dan RM40,000.00 dipinjam daripada ibu Plaintiff. Manakala RM10,000.00 adalah daripada duit Plaintiff sendiri. Dalam soal balas juga Plaintiff menyatakan perkara yang sama. Pinjaman daripada Bank Rakyat adalah pinjaman peribadi, manakala pinjaman daripada ibu Plaintiff pula tiada bukti dikemukakan.
- [28] Defendan dalam keterangannya pula menyatakan bahawa terdapat dua kali pengubahsuaian rumah dilakukan, iaitu yang pertama pada tahun 2009 dan yang kedua pada 2011 atau 2012. Menurut Defendan kos pengubahsuaian yang pertama adalah sebanyak RM20,000.00. Defendan menanggung kos berjumlah RM13,000.00, manakala Plaintiff menanggung kos selebihnya iaitu sebanyak RM7000.00. Untuk pengubahsuaian kedua, jumlah kos ubah suai bangunan dan perkakasan adalah sebanyak RM210,000.00 dan reka bentuk dalaman, luaran serta perkakasan adalah sebanyak RM100,000.00. Berdasarkan dakwaan Defendan, kos keseluruhan pengubahsuaian kedua adalah RM310,000.00.
- [29] Wujudnya pengubahsuaian pada tahun 2012 adalah selari dengan dakwaan Plaintiff, Walau bagaimanapun, terdapat percanggahan mengenai jumlah kos pengubahsuaian dan pihak yang menanggung perbelanjaan tersebut. Defendan menyatakan bahawa Defendan yang menanggung 66% daripada kos tersebut, manakala Plaintiff pula menanggung sebanyak 33% daripada kos tersebut.
- [30] Ini bermaksud Plaintiff mengatakan bahawa Plaintiff menanggung 100% kos ubah suai pada tahun 2012. Manakala Defendan pula mendakwa bahawa beliau menanggung sebanyak 66% daripada kos ubah suai tersebut dan 33% ditanggung oleh Plaintiff. 66% daripada RM310,000.00 adalah sebanyak RM204,600.00 dan 33% adalah RM102,300.00. Persoalan yang timbul ialah pihak manakah yang memberikan keterangan yang benar dan pihak manakah yang tersalah dalam hal ini?
- [31] Tiada saksi dikemukakan dalam isu pengubahsuaian ini dan tiada sebarang dokumen dikemukakan daripada sumber luar yang menunjukkan jumlah sebenar kos pengubahsuaian. Apa yang ada hanyalah satu anggaran jumlah yang dibuat oleh Defendan. Namun anggaran tersebut bukanlah satu dokumen sokongan, sebaliknya hanya merupakan keterangan Defendan yang dibuat dalam bentuk bertulis. Ianya tetap sebagai dakwaan Defendan semata-mata dan bukannya pembuktian oleh Defendan.
- [32] Seterusnya, daripada manakah sumber kewangan untuk pengubahsuaian tersebut? Menurut Plaintiff, Plaintiff membuat pinjaman daripada Bank Rakyat sebanyak RM150,000.00, membuat pinjaman daripada ibunya sebanyak RM40,000.00 dan menggunakan duit sendiri sebanyak RM10,000.00. Jumlahnya RM210,000.00. Jumlah ini selari dengan keterangan bertulis Defendan, iaitu kos ubah suai binaan dan perkakasan yang telah dikeluarkan olehnya adalah sebanyak RM210,000.00
- [33] Seterusnya, timbul persoalan daripada mana Defendan memperolehi wang untuk pengubahsuaian yang didakwanya sebanyak 66% (RM204,600.00). Defendan mendakwa bahawa dia telah membuat pinjaman Bank Rakyat sebanyak RM200,000.00 pada tahun 2010 dan pinjaman MBSB pada tahun 2011 sebanyak RM140,000.00. Namun, hanya dokumen daripada Bank Rakyat sahaja yang dikemukakan, manakala dokumen daripada MBSB tidak dikemukakan. Pinjaman daripada Bank Rakyat pula berjumlah sebanyak RM150,000.00. Semasa memberi keterangan dalam sesi soal balas, Defendan mengakui bahawa tidak semua wang pinjaman daripada Bank Rakyat digunakan bagi tujuan pengubahsuaian.
- [34] Mahkamah lebih mempercayai keterangan Defendan dalam isu jumlah pengubahsuaian ini. Plaintiff dan Defendan masing-masing tidak mengemukakan sebarang dokumen tentang pengubahsuaian tersebut. Oleh itu Mahkamah memutuskan kos pengubahsuaian sebanyak RM310,000.00.
- [35] Bukti dokumen yang ada dalam simpanan pihak-pihak ialah Plaintiff dan Defendan masing-masing membuat pinjaman Bank Rakyat. Plaintiff meminjam sebanyak RM150,000.00, manakala Defendan juga membuat pinjaman sebanyak RM150,000.00. Jumlahnya ialah RM300,000.00. Namun demikian, Defendan tidak membelanjakan kesemuanya RM150,000.00 untuk ubah suai. Ini diakui

oleh Defendan dalam soal balasnya.

- [36] Apabila kos pengubahsuaian adalah RM310,000.00, maka dapat dihitung pecahannya. Daripada RM310,000.00 itu, pinjaman Bank Rakyat Plaintiff adalah RM150,000.00. Plaintiff juga meminjam daripada ibunya sebanyak RM40,000 dan duit peribadi Plaintiff sendiri sebanyak RM10,000.00. Bakinya RM110,000.00 adalah daripada duit Defendan. Di sini disertakan butiran rumah:

Jadual 1. Kos Perolehan dan Kemajuan Harta

Bil.	Butiran	Kos
1.	Deposit 10%	RM10,888
2.	Pengubahsuaian (1) (2009)	RM20,000
3.	Pengubahsuaian (2) (2012)	RM310,000
4.	Pinjaman daripada bank (<i>Public Bank</i>)	RM208,997 (termasuk MRTA)
Jumlah Kos Keseluruhan		RM549,885

- [37] Seterusnya adalah untuk menentukan sumbangan masing-masing. Faktanya seperti berikut:

- Deposit dibayar oleh Defendan RM10,888.00.
- Pengubahsuaian pertama (2009), Defendan bayar RM13,000.00 dan Plaintiff adalah RM7000.00.
- Mahkamah putuskan fakta untuk pengubahsuaian kedua (2012); Defendan sebanyak RM110,000.00 manakala Plaintiff sebanyak RM200,000.00.
- Untuk pinjaman daripada Public Bank, bayaran bulanan dibayar oleh Defendan. Semasa dalam tempoh pinjaman daripada MARA, jumlah hutang PBB yang ditebus adalah sebanyak RM190,509.00. Ini bermakna Defendan telah membayar hutang tersebut sebanyak RM18,488.00.
- Pinjaman MARA digunakan oleh Plaintiff untuk menyelesaikan hutang daripada PBB. MARA meluluskan sebanyak RM189,153.00. Setelah dikira untuk Takaful, MARA meluluskan jumlah keseluruhan sebanyak RM199,400.00. Oleh itu tiada apa-apa lebih daripada pembiayaan semula ini.

- [38] Berdasarkan fakta tersebut, satu ringkasan dalam bentuk jadual dibuat seperti berikut;

Jadual 2. Peratus Sumbangan Langsung Pihak-Pihak

No.	Perkara	Jumlah Kos	Pengiraan dan Peratusan	
			Plaintif	Defendan
1.	Deposit (D)	RM10888		$(RM10888 / RM549,885) \times 100 = 1.98\%$
2.	Pengubahsuaian Pertama (P & D)	RM20,000	$(RM7000 / RM549,885) \times 100$	$(RM13,000 / RM549,885) \times 100 = 2.365\%$
3.	Pengubahsuaian kedua (P & D)	RM310,000	$(RM200,000 / RM549,885) \times 100 = 36.37\%$	$(RM110,000 / RM549,885) \times 100 = 20.00\%$
4.	Bayaran Pinjaman Public Bank (D)	RM18,488		$(RM18,488 / RM549,885) \times 100 = 3.362\%$
5.	Pinjaman MARA tebus hutang Public Bank (P)	RM190,509	$(RM190,509 / RM549,885) \times 100 = 34.645\%$	
JUMLAH		RM549,885	72.287 dibundarkan kepada 72.29%	27.707 dibundarkan kepada 27.71%

Sumbangan Tak Langsung

- [39] Dalam kes ini Plaintiff hanya menuntut satu harta sahaja iaitu sebuah rumah beralamat di No. XXX, Nilai Impian 71800 Nilai Negeri Sembilan. Defendan juga tidak ada tuntutan balas. Oleh kerana tiada keterangan-keterangan yang berkaitan dengan harta lain, pengorbanan pihak-pihak adalah termasuk dalam sumbangan secara tidak langsung kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumah

tangga atau menjaga keluarga.

- [40] Defendan seorang yang bekerja. Aliran utama penghakiman kes-kes Syariah di Malaysia, kadar sumbangan tak langsung bagi isteri-isteri suri rumah sepenuh masa adalah 1/3 bahagian daripada harta sepencarian. Kadar ini boleh dilihat dalam kes-kes yang menjadi “*benchmark*” dalam harta sepencarian. Oleh itu, bagi isteri-isteri yang bekerja, kadarnya adalah lebih rendah memandangkan masa yang dihabiskan bagi kebajikan rumah tangga lebih sedikit tempohnya berbanding dengan isteri-isteri yang menjadi suri rumah sepenuh masa. Tambahan pula, isteri-isteri yang bekerja mempunyai pendapatan sendiri bagi memiliki harta mereka sendiri. Oleh yang demikian, kadar sumbangan tidak langsung bagi isteri yang berkerjaya adalah tidak melebihi 1/4 daripada harta sepencarian.
- [41] Oleh kerana Plaintiff adalah seorang isteri yang bekerja dan usia perkahwinan Plaintiff dan Defendan 12 tahun 7 bulan, maka Plaintiff berhak mendapat tidak melebihi 1/3 daripada bahagian Defendan.
- [42] Oleh itu, persoalannya ialah bagaimanakah untuk mengukur kadar munasabah yang tidak melebihi kadar 1/4 bagi isteri-isteri yang bekerja? Pada pandangan Mahkamah, pengiraan boleh dibuat berdasarkan nisbah tempoh pemilikan harta dengan tempoh perkahwinan. Beberapa penyelidik seperti Dr. Judith Wallerstein, Dr. John Gottman, dan Evelyn Duvall telah memetakan bagaimana hubungan perkahwinan berkembang mengikut peringkat masa, iaitu setiap peringkat mempunyai tugas perkembangan yang unik. Fasa perkahwinan boleh dibahagikan kepada empat (4) fasa iaitu fasa perkenalan (1-5 tahun perkahwinan), fasa kefahaman (6-10 tahun perkahwinan), fasa kestabilan (11-15 tahun perkahwinan) dan fasa penyelesaian (16-20 tahun perkahwinan dan ke atas).
- [43] Oleh yang demikian, dalam bentuk skor peratusan, fasa perkenalan (1-5 tahun perkahwinan) adalah 25% daripada tempoh perkahwinan, fasa kefahaman (6-10 tahun perkahwinan) adalah 50%, fasa kestabilan (11-15 tahun perkahwinan) adalah 75% dan fasa penyelesaian (16-20 tahun perkahwinan dan ke atas) adalah 100%.
- [44] Pembahagian ini boleh juga diaplikasikan kepada sumbangan tidak langsung untuk mencari kadar yang sesuai. Kadar 1/4 (25%) sumbangan tak langsung itu juga boleh dibahagikan kepada empat (4) iaitu:
1. $(1/4) \times 25\% = 6.25\%$ sekiranya berada dalam fasa perkenalan,
 2. $(2/4) \times 25\% = 12.5\%$ sekiranya berada dalam fasa kefahaman,
 3. $(3/4) \times 25\% = 18.75\%$ sekiranya berada dalam fasa kestabilan, dan
 4. $(4/4) \times 25\% = 25\%$ sekiranya berada dalam fasa penyelesaian.
- [45] Pembahagian tersebut boleh dilihat seperti jadual di bawah:

Jadual 3. Fasa Perkahwinan, Nisbah Pemilikan Harta dan Skor Sumbangan Tidak Langsung

Fasa	Kadar Nisbah Pemilikan Harta Dengan Tempoh Perkahwinan	Skor Peratusan Sumbangan Tidak Langsung
Perkenalan	1%-25%	6.25%
Kefahaman	26%-50%	12.5%
Kestabilan	51%-75%	18.75%
Keselelesaian	76%-100%	25%

- [46] Dalam kes ini, Plaintiff dan Defendan telah berkahwin selama 12 tahun 7 bulan (24.5.2002 hingga 28/12/2014) dan ianya termasuk dalam fasa ke 3 iaitu fasa kestabilan. Oleh yang demikian, peratusannya ialah 75% iaitu 3/4 atau 18.75%.
- [47] Berdasarkan jadual diatas, 75% adalah jatuh pada skor ketiga iaitu kestabilan memperolehi skor 18.75% sumbangan tidak langsung terhadap bahagian Defendan bagi rumah tersebut. Maka pengiraan seterusnya adalah seperti berikut:

$18.75\% \times \text{bahagian harta sepencarian langsung milik Defendan iaitu } 27.71\% \text{ (item 6 jadual 2)} = 5.195\%$

$(0.1875 \times 27.71) = 5.195\%$

[48] Justeru, sekiranya nilai sumbangan tidak langsung Plaintiff terhadap rumah tersebut sebanyak 5.195% dicampur dengan sumbangan langsung Plaintiff sedia ada iaitu sebanyak 72.29 (item 6 jadual 2), maka bahagian Plaintiff menjadi 77.485%. Manakala bahagian Defendan menjadi berkurangan kepada 22.515%.

[49] Oleh kerana Plaintiff memiliki bahagian majoriti terhadap rumah tersebut, maka adalah wajar rumah tersebut diberikan kepada plaintiff. Defendan pula berhak mendapat nilai bahagiannya daripada plaintiff.

Keputusan

[50] Sebuah rumah No. XXX, Nilai Impian 71800 Nilai Negeri Sembilan ialah harta sepencarian antara Plaintiff dan Defendan.

[51] Mahkamah memerintahkan bahawa 77.485% daripada milikan rumah tersebut adalah hak pihak Plaintiff, manakala 22.515 % adalah milikan Defendan.

[52] Rumah diberikan kepada Plaintiff.

[53] Rumah itu hendaklah dinilai dengan nilai semasa dan Plaintiff hendaklah membayar kepada Defendan nilai 22.515% di atas.

[54] Kos penilaian hendaklah ditanggung bersama berdasarkan kadar di atas.

[55] Secara alternatif, jika Plaintiff tidak berhasrat memiliki rumah berkenaan, rumah tersebut hendaklah dijual. Setelah ditolak kos-kos jualan, 22.515% hendaklah dibayar kepada Defendan. Hutang bank hendaklah ditolak daripada bahagian Plaintiff.

[56] Kos ditanggung masing-masing.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **YA Tuan Zulfikri bin Yaso'**, Hakim Utama Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus .

Tarikh

17 Julai 2025

Peguam Syarie

Plaintif diwakili oleh Peguam Syarie Dato' Hanif bin Hassan daripada Tetuan Hanif Hassan & Co. Manakala Defendan diwakili oleh Peguam Syarie Encik Mohd Nazrin bin Ibrahim daripada I.Asmawi & Co.